

di pekarangan HTF.

Akmal yang juga anak kedua daripada tiga beradik terbabit dalam kemalangan ketika dalam perjalanan ke pejabatnya bagi mengendalikan kursus perkahwinan.

Normadiah berkata, Akmal memang pernah memaklumkan kepada mereka bahawa dia sudah berikrar menderma organ pada 2011 ketika menuntut di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan menunjukkan kad ikrar penderma organ itu kepada mereka.

Dia mengakui, dirinya dan suami Nordin Md Akhir, 53, bukan saja terkejut, malah berat hati mendengar hasrat anak keduanya itu dan membantah pada awalnya.

"Namun dia menerangkan kebaikan dapat membantu meneruskan kehidupan orang lain dengan menderma organ dan secara tidak langsung penderma mendapat pahala kerana organnya itu dimanfaatkan dengan berguna,"katanya.

Selepas penerangan berkenaan,

mereka berdua faham dan menghormati keputusan Akmal itu kerana merasakan tujuan murninya mampu membantu insan lebih memerlukan.

"Hasrat menderma organ itu juga dimaklumkan kepada doktor yang merawatnya selepas dimaklumkan harapan arwah untuk pulih agak tipis disebabkan pendarahan dalam kepala,"katanya.

Normadiah berkata, arwah memberitahu niatnya mahu menderma organ semata-mata kerana Allah SWT untuk beroleh keberkatan apabila sudah tiada lagi di dunia ini menyebabkan ahli keluarga reda dengan segala keputusan yang dibuatnya.

"Akmal seorang yang suka membantu orang lain dalam kesusahan dan kami suami isteri bangga dengan apa yang dilakukan arwah walaupun sudah tiada lagi.

"Tindakan anak kami itu bukan untuk menunjuk kebaikannya, tetapi semata-mata ikhlas mahu membantu insan lain, malah pe-

nerima organ anak kami pun tidak diketahui dan mudah-mudahan orangnya adalah orang yang baik saja,"katanya.

Jenazah Allahyarham dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Pida 6, Kodiang selepas solat Asar semalam.

Sementara itu, pembedahan buah pinggang dan jantung Akmal berlangsung dengan lancar di Dewan Bedah HTF kira-kira jam 10 pagi semalam.

Pembedahan mengeluarkan organ itu selesai pada jam 1 tengah hari sebelum diterbangkan ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) menggunakan helikopter Agusta AW 139 milik Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) kendalian juruterbang Kapten Sidek Abbas.

Penerbangan itu turut membawa dua pakar bedah dan empat jururawat dari HKL untuk melakukan pembedahan organ berkenaan.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan negeri Jafperi Othman dan Pengarah Kesihatan Perlis Dr Zaini Hussin.